

10 APR, 2022

Malaysia kekal destinasi pelaburan kompetitif

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 1

Malaysia kekal destinasi pelaburan kompetitif

Ekosistem perniagaan kukuh bolehkan negara memperoleh pelaburan strategik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Walaupun berdepan landskap pemuliharaan tidak segera ekonomi global berikutan impak pandemik COVID-19, Malaysia berupaya mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan manirai di rantaui ini dengan mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan tertinggi dalam sejarah sebanyak RM306.5 bilion pada 2021.

Pelaburan membantikan sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama itu meningkat 83.1 peratus berbanding RM167.4 bilion diluluskan pada 2020, sekali gus membuktikan keyakinan pelabur terhadap ekosistem perniagaan yang mantap di negara ini.

Sektor pembuatan mendahului jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2021, mencatatkan sebanyak RM195.1 bilion, diikuti oleh sektor perkhidmatan RM94.1 bilion dan sektor utama dengan RM17.3 bilion.

Pada tahun lalu juga menyaksikan, pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan meningkat 224.9 peratus kepada RM208.6 bilion berbanding RM64.2 bilion diluluskan tahun sebelumnya, dengan sebahagian besar disumbangkan sektor elektronik dan elektronik (E&E).

Bagi prestasi pelaburan langsung domestik (DDI) pula, sebanyak RM97.9 bilion dicatatkan pada 2021, sekali gus memperluhatkan pertumbuhan kemampuan dan kapasiti perniagaan peserta industri tempatan untuk turus berdaya saing pada peringkat global.

Prestasi cemerlang yang dicatatkan negara pada tahun lalu itu juga adalah hasil tindakan tangkas kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi

di bawahnya, terutama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), yang bertanggungjawab menarik pelaburan ke negara ini, dalam memastikan memastikan ekosistem perniagaan kekal responsif kepada arah aliran global.

Antara usaha dilaksanakan bagi memastikan perniagaan untuk terus beroperasi dengan cara yang selamat sambil mengekalkan pekerjaan ialah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), yang mana lebih 1.8 juta pekerja dalam sektor pembuatan divaksin.

MIDA juga menerajui Pusat Sehenti (OSC) untuk memudahkan pergerakan pengembang perniagaan jangka pendek ketika pandemik sambil mematuhi prosedur

“Usaha lanjut telah dilaksanakan untuk memastikan ekosistem perniagaan kekal responsif kepada trend global dengan dasar dan inisiatif untuk kemudahan perniagaan, peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pendigitalan dan automasi”

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Kanan dan Menteri
Perdagangan Antarabangsa dan Industri

operasi standard (SOP) yang ketat, serta Pejabat Pelaburan Digital (DIO), iaitu platform kerjasama antara MIDA dan Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) untuk memudahkan pelaburan digital ke Malaysia.

Di samping itu, MIDA juga mengambil pandangan holistik dalam memastikan ekosistem perniagaan yang teguh dengan program disasarkan ke arah pembangunan bakat melalui *HyTalent Programme*, usaha bersinergi antara tiga universiti tempatan terulung yang menawarkan program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula kepada graduan tempatan dan individu berbakat.

Pada 2021, MITI dan MIDA secara proaktif menyelesaikan misi perdagangan dan pelaburan (TIM) utama ke Korea dan Jepun;



Mohamed Azmin (tengah) pada Sidang Media Tahunan (AMC) MIDA 2022 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE); Qatar, Austria dan Turki dan Jerman, Perancis dan United Kingdom untuk memperoleh pelaburan sehingga bernilai RM50.2 bilion.

Sebanyak 254 projek telah diluluskan dan dilaksanakan pada 2021 dengan pelaburan direalisasikan bernilai RM160.8 bilion, membentuk lebih 80 peratus daripada pelaburan diluluskan dalam sektor pembuatan.

Mengulas prestasi cemerlang yang dicatatkan Malaysia itu, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ekosistem perniagaan yang kukuh membolehkan negara memperoleh pelaburan strategik dan menjalin hubu-

tegik, infrastruktur berkelas dunia serta akses kepada tenaga kerja mahir adalah antara faktor utama menarik pelabur asing memilih Malaysia, termasuk AT&S, perenjau global dalam substrat papan litar bercetak tinggi (PCB) dan litar bersepadu (IC) bersesuaian melabur RM8.5 bilion bagi mewujudkan pembangunan reka bentuk dan pembuatan IC Substrat di Kulim Hi-Tech Park.

Malah, Milken Institute, dalam Indeks Peluang Global 2022nya, meletakkan Malaysia sebagai destinasi paling menarik untuk FDI dalam kalangan negara Asia Tenggara baharu muncul yang paling berpotensi untuk menarik pelabur asing.

Sementara itu, langkah kerajaan membuka semula sempadan negara pada 1 April lalu juga akan membantu meningkatkan pemuliharan ekonomi dengan lebih pantas.

Pembukaan sempadan antarabangsa sudah tentu akan memberi impak positif kepada perdagangan negara, sekali gus membolehkan nilai perdagangan yang lebih tinggi dapat direkodkan, di samping menarik pelaburan barat ke negara ini.

Mengulas langkah itu, Mohamed Azmin berkata, dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa, permintaan luaran dijangka akan meningkat dan industri tempatan pula perlu memenuhi permintaan pasaran global, yang mana secara langsung akan memberi peluang kepada perniagaan tempatan meningkatkan kualiti mereka.

Malaysia dan Singapura juga mengumumkan pembukaan semula sempadan darat kedua-dua negara berkuat kuasa 1 April 2022 dengan sebahagian besar SOP dilonggarkan.

Selari dengan pengumuman itu, pengembara dari kedua-dua negara yang lengkap vaksinasi dibenarkan untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantine atau melaksanakan ujian saringan COVID-19, termasuk ujian prapelepasan dan semasa ketibaan.

Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pembukaan semula sempadan antarabangsa, terutamanya pembukaan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin

Malaysia-Singapura akan memberi manfaat utama kepada sektor pelancongan, yang mana kedua-dua negara adalah begitu sinonim dari sudut aktiviti pelancongan.

Beliau berkata, limpahan daripada sektor pelancongan adalah pelbagai dan begitu terangung memandangkan ia membabit industri seperti perhotelan; makanan dan minuman; pengangkutan; perkhidmatan logistik dan pelbagai lagi.

“Umumnya, pembukaan semula bakal menjadi satu pemangkin pertumbuhan ekonomi negara berikut aktiviti ekonomi yang dijangka bergerak lebih aktif berbanding dua tahun lalu,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai, berkata pembukaan semula sempadan antarabangsa untuk individu yang divaksin sepenuhnya, memudahkan pergerakan modal insan untuk bekerja dan perdagangan, sekali gus memberi kesan positif kepada pemuliharan industri serta membantu menaungi pengangguran yang disebabkan oleh pandemik.

“Pembukaan semula sempadan antarabangsa akan membolehkan pekerja mereka pergi ke luar negara untuk bertemu pembeli dan mempromosikan produk serta membolehkan rakan niaga atau pelanggan, vendor dan pakar teknikal mereka hadir secara fizikal di sini untuk memuktamadkan rundingan serta mentauliahkan projek,” katanya.

Dalam pada itu, pembabitan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Selatan (RCEP) akan memberi sokongan tambahan kepada pemuliharan ekonomi negara.

Ia merintis jalan kepada ekonomi Malaysia berintegrasi ke dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) terbesar dunia dengan pasaran meliputi 15 negara, merangkumi lebih daripada 2.2 bilion atau hampir satu pertiga penduduk dunia dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global.

RCEP juga membolehkan Malaysia menyertai perdagangan global dan ekosistem pelaburan, meraih manfaat daripada ketiadaan kira-kira 90 peratus tarif dalam kalangan negara anggota.